

Karisma Wanita dalam Novel *Nenek Karya Razali Endun*

Women's Karisma in Grandma Karya Razali Endun

Rosnani Bt Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Terima	Wasit
28 JANUARI 2018	1 JUN 2018

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis karisma wanita yang terkandung dalam novel *Nenek* karya Razali Endun terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) 2014. Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada dua pendapat yang mengatakan bahawa watak wanita sering dilihat dari sudut negatif sahaja oleh pengarang-pengarang lelaki. Pendapat kedua pula mengatakan bahawa tidak semua pengarang lelaki memberikan imej yang tidak baik kepada watak wanita. Percanggahan pendapat ini telah mendorong pengkaji untuk melihat karisma wanita yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. Oleh itu, dua kaedah kajian akan digunakan dalam makalah ini. Kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat mengenai watak wanita dalam novel kajian. Kaedah analisis teks pula digunakan bagi menganalisis watak wanita dalam novel tersebut. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori psikoanalisis Sigmund Freud bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat beberapa karisma yang diterapkan dalam novel *Nenek* antaranya ialah karisma sebagai pemimpin, karisma sebagai pencinta kebudayaan Melayu, karisma sebagai wanita intelektual dan karisma sebagai wanita bertanggungjawab. Justeru, karisma wanita yang ditonjolkan dalam novel tersebut merupakan watak wanita yang positif dan dapat membangunkan masyarakat.

Kata Kunci: karisma; wanita; *Nenek*; psikoanalisis; positif

ABSTRACT

The study was conducted to identify and analyze women's charisma contained in the *Nenek* by Razali Endun's that published by the Institute Termemahan dan Buku Malaysia (ITBM) 2014. This study is based on two opinions that women's character is often viewed negatively only by male authors. The second argument says that not all male authors give negative images to female characters. This contradiction has approach the researcher to find at the charisma of women found in the *Nenek* by Razali Endun. Thus, two research methods will be used in this paper. The literature method was used in this study to obtain information about female characters in this paper. Text analysis method was used to analyze the female character in this novel. In addition, this study also uses Sigmund Freud's psychological theory to strengthen the findings of the study. The analysis finds that there are some charisma applied in *Nenek* among them are charisma as leaders, charisma as Malay cultural lovers, charisma as intellectual women and charisma as responsible women. Hence, the charisma of women highlighted in this novel is a positive female character and can develop society.

Keywords: charisma; woman; *Nenek*; psychoanalysis; positive.

Pengenalan

Pengkajian mengenai watak wanita adalah sesuatu yang menarik dan sehingga kini isu tersebut masih lagi relevan untuk dibincangkan dalam konteks penulisan karya kreatif di Malaysia. Namun begitu, masih terdapat pandangan serong mengenai kaum wanita. Menurut Hariss dalam Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015), wanita digambarkan cantik dan menarik melalui media massa, kesusasteraan dan juga seni. Wanita juga dianggap sebagai simbol seks berdasarkan bentuk badan, wajah dan kepintaran mereka untuk menggoda (Prather dalam Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim, 2015). Walters (2005) mengatakan wanita sering kali diberi gambaran yang negatif dalam karya-karya sastera untuk menunjukkan perspektif dan dominasi kaum lelaki terhadap kaum wanita. Ketiga-tiga pandangan tersebut telah memberikan imej yang negatif kepada kaum wanita. Oleh yang demikian, watak wanita seharusnya dikaji semula bagi memberikan imej atau gambaran yang baharu kepada kaum wanita. Justeru, makalah ini cuba melihat watak wanita dari skop yang lebih kecil iaitu karisma. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) karisma merujuk kepada sifat-sifat tertentu yang dimiliki oleh seseorang individu yang menjadikannya berupaya mempengaruhi atau menjadi perangsang kepada khalayak ramai. Ahmad Naim Jaafar (2003) mendefinisikan karisma iaitu suatu anugerah istimewa kepada seseorang yang merupakan kualiti yang tertanam dalam diri seseorang, bukan hanya disebabkan pelantikan ataupun status seseorang. Beliau juga memetik pandangan Max Weber dengan mengatakan bahawa karisma sebagai kualiti personaliti khusus yang ada pada seseorang individu. Kualiti itu yang menyebabkan seseorang itu berbeza dengan orang lain. Beliau berpendapat, kualiti-kualiti ini tidak boleh diperolehi dan dicapai oleh orang biasa tetapi mereka yang mempunyai asal-usul yang suci. Manakala menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2008), karisma ialah unsur yang membuat individu-individu lain percaya bahawa seseorang individu itu adalah individu yang berilmu, berkepakaran, dan seorang yang tulus ikhlas. Jadi ditinjau dari satu segi, karisma ialah sejenis imej atau citra diri yang sangat positif. Oleh yang demikian, karisma dapat difahami sebagai sifat-sifat positif yang dimiliki oleh seseorang individu sehingga dapat mempengaruhi orang lain.

Dalam karya sastera moden pengkajian mengenai karisma wanita sudah diperlihatkan sejak novel pertama lagi, iaitu *Hikayat Faridah Hanum* meskipun pengarangnya lelaki. *Hikayat Faridah Hanum* menampilkan watak wanita yang positif. Karisma Faridah Hanum sebagai pejuang terserlah dengan sifatnya yang memperjuangkan kebebasan wanita agar tidak dipandang rendah di mata kaum lelaki. Pada tahun 1928 pula terbitnya novel *Iakah Salmah* karya Ahmad Rashid Talu. Beliau menggambarkan watak wanita iaitu Salmah yang memperjuangkan nasib kaum wanita. Salmah digambarkan sebagai wanita yang bijak dan mendahului zamannya. Karisma sebagai pemimpin wanita terserlah pada watak Salmah yang memberikan syarahan supaya kaum wanita menjadi maju dan memperjuangkan hak-hak sebagai wanita. Berdasarkan kajian, kebanyakan novel pada tahun 1920-an hingga 1940-an mengungkapkan persoalan mengenai dunia wanita yang dipelopori oleh penulis lelaki (Mohamad Mokhtar Hassan, 2004). Pengkaji hanya memetik beberapa novel sahaja iaitu pada tahun 1920-an hingga 1940-an sebagai gambaran awal mengenai watak wanita yang diberi imej positif oleh pengarang lelaki.

Memang tidak dapat dinafikan watak wanita dalam novel telah mendapat perhatian daripada pengkaji terdahulu. Namun demikian, kebanyakan kajian yang dilakukan ini lebih memfokuskan kepada aspek citra wanita. Citra wanita dicirikan melalui sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya. Hal ini jelas dipaparkan dalam buku *Citra Wanita dalam Novel Melayu* yang dikarang oleh Siti Khariah Mohd Zubir pada tahun 2009. Dalam buku

tersebut beliau hanya menyentuh karisma wanita dalam skop yang kecil sahaja. Beliau mengatakan bahawa karisma wanita dapat dilihat melalui aspek kepimpinan. Aspek kepimpinan tersebut menekankan kepada sifat yang berkarisma yang dapat mempengaruhi pemikiran orang lain. Karisma seorang pemimpin wanita dapat dilihat melalui tingkah laku seperti mengambil berat akan masalah rakyat. Walaupun beliau hanya membahaskan secara sepintas lalu sahaja mengenai karisma wanita, namun kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu sorotan kajian. Hal ini kerana, beliau hanya menyentuh karisma wanita yang berkaitan dengan aspek kepimpinan sahaja, sedangkan kajian yang akan dilakukan ini akan membincangkan aspek karisma yang menyentuh soal kepimpinan, intelektual, tanggungjawab dan pencinta budaya.

Manakala pada tahun 2012, Rozinar Ahmad Nasir dalam artikel *Dewan Sastera* yang berjudul *Wacana Lingkaran Citra Wanita*. Dalam kajian ini, beliau membahaskan mengenai *Kumpulan Cerpen Pelamin Embun* hasil karya Aminah Mokhtar. Secara tidak langsung artikel ini menyentuh mengenai karisma wanita. Karisma wanita ini dicirikan melalui tingkahlaku wanita sebagai wanita teladan, wanita berwawasan, wanita bijak dan wanita solehah. Jika dilihat dari analisis kajian, ciri-ciri yang dinyatakan dalam kajian tersebut menjurus kepada aspek karisma. Sifat-sifat yang dinyatakan boleh mempengaruhi tingkahlaku dan pemikiran seseorang individu. Hal inilah yang dimaksudkan sebagai karisma. Justeru, masih terdapat kelompangan kajian yang berkaitan dengan karisma wanita. Hal ini kerana kedua-dua kajian yang dilakukan hanya menyentuh beberapa aspek mengenai karisma wanita. Selain itu, karisma wanita dilihat dari perspektif pengarang wanita. Justeru, makalah ini akan membincangkan karisma wanita dari perspektif pengarang lelaki.

Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian

Pengkajian mengenai watak wanita dalam karya sastera memang tidak dapat dinafikan telah banyak diusahakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun demikian, watak wanita yang dilukiskan oleh pengarang lelaki pastinya menimbulkan satu persoalan. Hal ini kerana, pengarang lelaki hanya melukiskan watak wanita berdasarkan pemerhatian mereka sahaja tanpa melalui pengalaman sebagai seorang wanita. Siti Hawa Haji Salleh dalam esainya mengatakan bahawa watak wanita sering digambarkan oleh pengarang lelaki memberikan suatu gambaran yang paling menyedihkan (*Dewan Masyarakat*, 1969).

Isu ini juga dibangkitkan oleh Siti Hajar Che Man (*Dewan Sastera*, 2004) yang mendakwa bahawa hasil karya-karya mengenai watak wanita di tangan pengarang lelaki adalah tidak tepat dan lebih memperlihatkan watak wanita yang negatif sahaja. Berbagai ragam dan gaya watak wanita dilakarkan secara rambang kerana mereka beranggapan wanita sebagai bahan karya. Salina Ibrahim (*Dewan Sastera*, 2006) mengatakan bahawa apabila penulis wanita ingin menonjolkan watak wanita yang positif akan dianggap sebagai pengarang yang suka mengangkat isu yang remeh-temeh sahaja. Pandangan sinikal mengenai isu ini, seolah-olah pengarang wanita tidak boleh keluar daripada kepek pemikirannya, begitu selesa berada dalam ruang lingkup yang sebegitu. Beliau juga menegaskan bahawa watak wanita harus dimuliakan tidak hanya memaparkan sisi yang negatif sahaja. Sohaimi Abdul Aziz (2015) mengatakan bahawa bagi sesetengah kaum feminis, watak wanita yang dikemukakan oleh pengarang-pengarang lelaki dalam karya-karya mereka dikatakan berat sebelah; lelaki dikatakan tidak dapat memahami wanita.

Namun demikian, Siti Asiah Murad dalam esainya mengatakan bahawa tidak semua watak wanita ciptaan kaum lelaki itu memberikan satu pandangan yang negatif dan berat sebelah (*Dewan Sastera*, 2006). Hal ini telah mendorong pengkaji untuk melihat karisma wanita yang bagaimana dilukiskan oleh pengarang lelaki. Adakah watak wanita yang sering menangis? Watak wanita yang stereotaip? Atau watak wanita yang sering menjadi mangsa kaum lelaki? Persoalan-persoalan tentang wanita dalam sastera terutamanya genre novel amat penting dibangkitkan bagi melahirkan model wanita yang bagaimana yang harus ada dalam penulisan karya kreatif.

Terdapat beberapa karya sama ada novel, cerpen, drama ataupun puisi membicarakan mengenai karisma wanita walaupun tidak secara langsung turut dibicarakan sama ada oleh pengarang lelaki atau wanita. Oleh yang demikian, makalah ini akan mengenal pasti dan menganalisis karisma wanita yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah tinjauan kepustakaan dilakukan bagi memperoleh maklumat mengenai watak wanita dalam novel kajian. Oleh yang demikian, kaedah ini dilakukan dengan memperoleh maklumat melalui jurnal, artikel, tesis dan buku-buku yang berkaitan dengan watak wanita yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Manakala kaedah analisis teks dilakukan bagi memperoleh data berkaitan dengan karisma wanita dalam novel kajian. Selain itu, batasan kajian hanya memfokuskan kepada watak wanita sahaja. Novel ini dipilih kerana telah dinobatkan sebagai pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014 dan mengangkat watak wanita sebagai pejuang masyarakat dan sebagai penggerak utama cerita. Hal ini telah menarik pengkaji untuk melakukan kajian lanjut mengenai karisma wanita yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. Di samping itu, bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian akan menggunakan teori psikoanalisis Sigmund Freud sebagai kerangka kajian dengan memfokuskan kepada karisma wanita. Karisma wanita ini terlahir daripada tingkah laku yang positif.

Teori Psikoanalisis Sigmund Freud menekankan tiga unsur psikologi iaitu id, ego dan super-ego. Id merupakan bahagian personaliti yang paling asas. Ia wujud sejak manusia dilahirkan lagi. Sehubungan itu, Mahmood Nazar Mohamed (2001) menegaskan bahawa id adalah dorongan biologikal dan tenaga naluri manusia yang memotivasikan manusia untuk berbuat apa sahaja bagi memenuhi apa yang dikehendaknya. Id beroperasi di bawah prinsip kelazatan.

Unsur ego adalah suatu entiti yang mengundang rasa kasihan, yang genting sifatnya, terpuak oleh keadaan dunia luar, dimomok oleh cacian ganas super ego, diganggu oleh tuntutan id yang rakus dan tidak pernah puas. Ego adalah struktur personaliti yang mencari jalan bagaimana untuk memuaskan kehendak id. Ego beroperasi di atas prinsip realiti.

Super ego merupakan satu kuasa yang wujud di dalam jiwa seseorang dan mengawal segala kehendaknya, menentukan apa yang baik dan apa yang tidak baik serta menentukan sama ada sesuatu itu sesuai di dalam situasi tertentu.

Berdasarkan ketiga-tiga unsur yang ditekankan oleh Freud iaitu id, ego dan super ego jelas memperlihatkan kaitan karisma wanita dalam novel kajian. Hal ini seperti yang telah ditegaskan oleh Wellek dan Warren (1986) yang mengatakan bahawa karisma itu sendiri

adalah topik yang termasuk dalam bidang psikologi. Hal ini kerana karisma merupakan sifat-sifat tertentu individu yang boleh mempengaruhi orang sekeliling. Justeru, karisma itu dapat ditonjolkan melalui watak wanita berdasarkan gambaran tingkahlaku positif yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Karisma sebagai Pemimpin

Karisma wanita dalam novel *Nenek* karya Razali Endun dapat dilihat melalui sifat kepimpinan. Menurut Nik.A Rashid dalam Abdul Halim Othman (1993) dalam buku *Psikologi Melayu*, mengatakan kepimpinan melibatkan penggunaan pengaruh, komunikasi dan matlamat. Satu definisi berbunyi seperti yang berikut:

“Kepimpinan ialah suatu percubaan untuk pengaruh-mempengaruhi antara peribadi, yang diarahkan melalui proses komunikasi, menuju pencapaian satu matlamat atau beberapa matlamat”.

Manakala kepimpinan menurut pendapat Robiah K. Hamzah (2004), merupakan suatu bentuk hubungan apabila seseorang mempunyai kesempatan dan kemampuan untuk mempengaruhi perlakuan orang lain, melalui gerak laku, pemikiran, tutur kata, dan tindakannya. Proses kepimpinan tidak mungkin dapat dipisahkan daripada aktiviti kumpulan dan proses ini melibatkan peribadi serta ketokohan pemimpin, harapan orang yang dipimpin, suasana dan persekitaran, serta matlamat yang hendak dicapai. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan karisma kepimpinan seorang wanita dalam mempertahankan hak penduduk kampung. Mak Som telah diberi kepercayaan bagi mengetuai rombongan ke Pejabat Menteri. Karisma kepimpinan Mak Som terserlah apabila dia berada di barisan hadapan. Usia yang uzur tidak menghalang Mak Som menyertai bantahan tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Pada hari yang dijanjikan, Mak Som bersedia sejak awal. Dia mungkin terlalu tua untuk untuk mengepalai bantahan, tetapi dia mahu berada di barisan hadapan. Mak Som sudah siap siaga untuk di barisan hadapan. Si How pekebun sayur juga hadir seperti dijanji. Petani Tionghoa itu bertopi jerami, bersepatu getah, berkemeja lusuh dan bercelana labuh beriringan dengan Mak Som di barisan hadapan, penuh semangat. Sementara isteri dan anak-anaknya di belakangnya. Beberapa helai kain rentang dan sepanduk dengan slogan dan tulisan pelbagai macam sudah diangkat oleh para demonstran. Memorandum yang disisipkan oleh Haji Khamis untuk diserahkan kepada Ketua Menteri juga ada dibawa. Ia diisi dalam sampul surat dan dikepit di bawah ketiak Haji Khamis. Tugas menyampaikan memorandum itu diserahkan kepada Mak Som nanti.

(*Nenek*, hlm. 153-154)

Selain itu, karisma Mak Som sebagai pemimpin di kampung tersebut jelas terbukti apabila Mak Som menjadi rujukan sebelum sesuatu keputusan di buat berkaitan dengan pengambilan tanah penduduk kampung. Mak Som juga dijadikan sebagai sumber rujukan bagi

menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Kata Haji Sapuan, kedatangannya petang itu membawa hasrat Haji Khamis supaya Mak Som mengetuai suatu rombongan orang kampung ke pejabat Ketua Menteri. Isu tanah ini, kata Haji Sapuan, tidak boleh dibiarkan. Orang kampung mesti mempertahankannya walau apa pun terjadi.

(*Nenek*, hlm 140)

Hal ini ditegaskan oleh Ishak Mad Shah (2006) karisma merujuk kepada seorang pemimpin yang boleh dipercayai membawa pengikut ke arah kejayaan atau kemenangan menerusi visi yang dibentuk oleh mereka secara cekap dan berkesan. Atribut ciri karisma antaranya ialah meliputi kualiti seperti daya tarikan peribadi, gaya percakapan bagi memujuk, kekuatan semangat dan mampu menyakinkan pengikut. Karisma Mak Som sebagai pemimpin jelas terbukti apabila dia dijadikan sebagai sandaran dan rujukan bagi menyelesaikan masalah penduduk kampung.

Lahirnya sifat kepimpinan dalam diri Mak Som kerana super egonya berjaya memainkan peranan sebagai petunjuk ke arah keunggulan sifat manusia. Sifat tersebut menjadikan Mak Som seorang pemimpin yang disegani dalam masyarakat tersebut meskipun Mak Som merupakan seorang wanita yang selalu dianggap lemah oleh kaum lelaki. Karisma Mak Som sebagai pemimpin jelas terpancar apabila beliau mengetuai memorandum bantahan pengambilan tanah penduduk kampung ke Pejabat Menteri.

Karisma sebagai Pencinta Kebudayaan Melayu

Seterusnya ialah karisma wanita dalam mempertahankan budaya Melayu. Menurut Siti Khariah (2009), budaya bermaksud tamadun, peradaban, cara berlakuan atau kemajuan. Manakala Sidi Gazalba (1967) mendefinisikan budaya sebagai cara berfikir dan merasa yang menyatukan diri dalam seluruh kehidupan manusia yang membantu kesatuan sosial, dalam sesuatu ruang dan waktu. Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun, Mak Som berkarisma sebagai pejuang warisan bangsa. Hal ini dapat dilihat melalui pengekalan ciri tradisional rumah Melayu dan penggunaan tikar mengkuang di rumahnya. Mak Som merupakan satu-satunya penduduk yang masih mengekalkan ciri Melayu tradisional pada rumahnya. Walaupun selalu diperlekehkan oleh anaknya, namun Mak Som tetap dengan pendiriannya untuk menjaga warisan bangsa yang tinggi nilainya. Ketegasan Mak Som dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Mak Som hanya tersenyum simpul seolah-olah mentertawakan cadangan anaknya. Namun, Mak Som enggan berganjak dengan pendiriannya dan terus mempertahankan rumah pusaka itu yang dianggapnya sebagai binaan warisan Melayu yang semakin sukar ditemui sekarang.

(*Nenek*, hlm 18)

Selain mencintai rumah tradisional Melayu, Mak Som juga pencinta kepada kesenian tikar mengkuang. Mak Som akan mencari daun mengkuang di kawasan hutan dan menghasilkan sendiri tikar mengkuang mengikut corak dan warna yang disukai. Keindahan dan kecantikan tikar mengkuang tersebut telah menarik minat pelancong asing. Pelancong

asing amat teruja melihat hasil anyaman Mak Som yang unik sehingga mereka sanggup membeli hasil anyaman Mak Som untuk di bawa pulang ke negara mereka. Karisma Mak Som sebagai pencinta seni warisan bangsa telah berjaya menarik minat pelancong asing untuk turut mengagumi keunikan dan kehalusan hasil tangan Mak Som. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan berikut:

Sebaik sahaja Mak Som menghampar tikar mengkuang pelbagai warna itu, mata pelancong asing itu terpegun melihat keindahan seni anyaman tangan Mak Som. Mulut mereka terlopong. Tanpa menyedari kekaguman mereka, Mak Som terus membenteng beberapa helai tikar lagi yang juga dianyam dengan pelbagai corak dan warna. Terdengar suara-suara memuji keindahan anyaman tikar mengkuang itu.

(*Nenek*, hlm. 71)

Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa karisma wanita sebagai pencinta warisan dan budaya Melayu ini selari seperti yang dinyatakan oleh Latifah Ariffin (2016) bahawa novel *Nenek* mengungkapkan karisma seorang wanita yang mempertahankan warisan budaya bangsa melalui pengekalan ciri tradisonal rumahnya dan usaha yang dilakukan bagi mempertahankan penggunaan tikar mengkuang sebagai warisan budaya Melayu. Sikap Mak Som yang mencintai seni warisan Melayu ini telah mempengaruhi pelancong asing untuk turut mengagumi keunikan hasil seni tempatan iaitu tikar mengkuang. Menurut Ainon Ahmad (2003) karisma merujuk kepada sejenis kuasa peribadi yang sangat berharga. Kuasa karisma adalah sangat luar biasa. Justeru, dengan menggunakan kuasa karisma, seseorang itu dapat mendorong individu-individu lain mengubah pemikiran dan tingkah laku mereka, sama ada ke arah positif mahupun negatif. Hal ini terbukti karisma Mak Som terserlah apabila dia berjaya mengubah sikap masyarakat Barat dengan memperkenalkan seni warisan bangsa Melayu iaitu tikar mengkuang kepada orang luar. Sikap Mak Som ini juga bersesuaian dengan pendapat Ibnu Khaldun dalam tulisannya *Muqaddimah* yang dipetik oleh H. Hamzah Ya'Qub (1993) menegaskan bahawa 'tidak ada satu halpun yang dapat menggambarkan kebudayaan suatu bangsa, tak ada yang dapat melahirkan cita-cita dan kebatinan suatu kaum bentuk yang lebih jelas selain pertukangan dan bangunan berbagai gedung. Kedudukan rohani setiap bangsa, pandangan hidupnya, cita-citanya dapat dirupakan pada bangunan-bangunan yang didirikannya. Ilmu bangunan, katanya ialah suatu kelahiran kekuatan rohani yang hidup dalam kalangan bangsa. Tiap-tiap bangsa yang mendorong ke arah kemajuan, pasti mempunyai kepintaran ilmu bangunan, sebagai pembuktian, betapa ketinggian peradaban dan cita kebatinannya'. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesenian rumah Tradisional Melayu dan tikar mengkuang merupakan hasil seni yang memperlihatkan keintelektualan sesuatu bangsa. Semua hasil seni ini tidak boleh ditiru oleh bangsa lain meskipun mereka boleh mempelajarinya. Ketulinan hasil seni tidak akan sama dengan yang asal. Oleh yang demikian, bangsa Melayu harusnya berbangga kerana memiliki hasil seni yang tidak ada pada bangsa lain di dunia. Jika dilihat daripada perspektif psikoanalisis Freud, sikap Mak Som yang menjaga warisan budaya bangsa ini adalah kerana super egonya berjaya memainkan peranan sebagai petunjuk ke arah keunggulan sifat manusia.

Karisma sebagai wanita Intelektual

Selain itu, karisma wanita dalam novel ini digambarkan sebagai wanita intelektual yang mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai sesuatu perkara. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014) intelektual ialah mempunyai kemampuan yang tinggi untuk

berfikir. Meskipun Mak Som tidak pernah mendapat pendidikan formal di sekolah, namun dia mempunyai ilmu dalam menyampaikan sejarah pembukaan negeri Melaka kepada cucunya, Razlan. Apa yang diceritakan oleh Mak Som adalah sama seperti yang tercatat dalam buku teks sejarah. Karisma sebagai wanita intelektual dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Razlan seronok mendengar apabila sesekali Mak Som bercerita. Mak Som menyampaikan ceritanya macam seorang penglipur lara berpengalaman cerita Mak Som bukan cerita sembarangan. Dia berkisah mengenai sejarah pembukaan negeri Melaka. Walaupun Mak Som tidak mendapat pendidikan formal atau bersekolah tinggi, dia masih mampu bercerita dengan lancar mengenai sejarah pembukaan negeri Melaka membuat Razlan kagum. Berbeza dengan dirinya sendiri yang mengetahui sejarah melalui pembelajaran di sekolah.
(*Nenek*, hlmn. 12-13)

Hal ini jelas dinyatakan oleh Latifah Ariffin (2016) bahawa karisma wanita yang digambarkan oleh watak Mak Som iaitu watak utama merupakan seorang wanita intelektual. Hal ini kerana Mak Som mampu bercerita mengenai sejarah pembukaan negeri Melaka seperti yang tertulis dalam teks *Sulalatus Salatin*. Justeru, karisma wanita intelektual berjaya digambarkan dalam novel *Nenek*. Karisma sebagai wanita intelektual terbukti apabila Razlan amat mengagumi neneknya bercerita mengenai kisah pembukaan Melaka seperti yang tertulis dalam teks *Sulalatus Salatin*. Hal yang sama juga ditegaskan oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2008) bahawa karisma merujuk kepada aura positif yang dimiliki oleh seseorang individu sehingga boleh mempengaruhi orang lain untuk percaya bahawa individu tersebut mempunyai daya intelektual yang tinggi.

Jika dilihat dari sudut psikoanalisis Freud, sikap Mak Som yang digambarkan sebagai wanita intelektual ini adalah kerana Mak Som berjaya melawan unsur id yang menjadi halangan bagi setiap tingkahlaku negatif manusia. Hal ini kerana id beroperasi di bawah prinsip kelazatan. Hal ini juga disebabkan oleh unsur ego yang terlalu kuat menghalang Mak Som daripada melakukan hal yang tidak sepatutnya. Oleh yang demikian, super ego Mak Som berjaya berperanan sebagai petunjuk ke arah keunggulan sifat manusia. Super ego telah berjaya mewujudkan karisma dalam diri Mak Som. Walaupun tidak menerima pendidikan formal di sekolah, namun Mak Som mempunyai pengetahuan mengenai sejarah tanah air.

Karisma sebagai Wanita Bertanggungjawab

Di samping itu, karisma wanita bertanggungjawab juga dapat dikesan dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014), tanggungjawab merujuk kepada kewajiban yang dipikul oleh seseorang. Karisma wanita yang bertanggungjawab ini dapat dilihat melalui gambaran watak Sakinah iaitu anak perempuan Mak Som. Sakinah melaksanakan tanggungjawab menjaga dan merawat Mak Som ketika ibunya terlantar sakit. Walaupun Sakinah telah berumah tangga, namun beliau sanggup berulang alik ke rumah Mak Som demi menjaga ibunya yang sedang sakit. Tanggungjawab dan kasih sayang terhadap Mak Som tidak pernah pudar meskipun Sakinah mempunyai tanggungjawab yang lain iaitu terhadap suami dan anak-anak. Mak Som juga merasakan sentuhan tangan anak bongsunya sebagai mukjizat yang mampu mengurangkan kesakitan. Ini jelas memperlihatkan karisma

wanita yang bertanggungjawab ada dalam diri Sakinah. Hal ini dapat diperhatikan melalui watak Sakinah yang dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Di rumah Mak Som banyak dibantu Siti Sakinah. Tanpa tongkat, Mak Som memang memerlukan bantuan tangan anak bongsunya. Bagi Mak Som, pegangan anaknya itu bagaikan suatu mukjizat yang mampu mengurangkan kesakitan dideritainya.

(*Nenek*, hlm. 87-88)

Karisma wanita bertanggungjawab ini dijelaskan melalui pendapat yang dinyatakan oleh Abdul Halim Othman berbunyi seperti berikut:

..... apabila seseorang sudah tua dan uzur, anak perempuan akan sentiasa menjaganya. Anak lelaki hanya menjenguk sambil berkata, Ah, Ayah sakit!’’ Dan selepas itu pergi. Tetapi anak perempuan akan menjaga, menyediakan minuman dan yang sebagainya. Jadi, apabila saya memikirkan hari tua, saya mahu seorang anak perempuan.

(Abdul Halim Othman, 1993)

Petikan ini jelas membuktikan bahawa anak perempuan lebih bertanggungjawab berbanding dengan anak lelaki. Anak perempuan mempunyai naluri kemanusiaan yang tinggi dan tidak sanggup membiarkan emak yang terlantar sakit dibiarkan bersendirian tanpa penjagaan.

Berhubung dengan tugas dan kewajipan anak menjaga ibu bapa ketika sakit, kajian mendapati bahawa anak perempuan lebih bertanggungjawab berbanding dengan anak lelaki. Ini dapat dilihat melalui sorotan yang dilakukan oleh Zarinah Arshat (2008) terhadap beberapa kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Montgomery dan Kamo 1989 dalam Zarinah Arshat (2008), mendapati sebanyak 80% anak yang menjaga kedua ibu bapa mereka ialah anak perempuan dan bakinya adalah anak lelaki. Anak perempuan mempunyai perasaan kewajipan yang tinggi untuk menjaga ibu bapa berbanding anak lelaki (Sten Wemmerus, 1988 dalam Zarinah Arshat, 2008). Kajian oleh Norhayati (1988) dalam Zarinah Arshat (2008) pula mendapati penjaga utama bagi ibu atau bapa yang mempunyai penyakit melarat adalah anak perempuan. Anak lelaki hanya akan menjadi penjaga utama dan bertanggungjawab menjaga ibu atau bapa apabila tiada adik-beradik perempuan. Bagaimanapun anak lelaki yang menjadi penjaga utama lebih suka menempatkan ibu bapa mereka di institusi (Montgomery & Kosluki, 1994 dalam Zarinah Arshat, 2008).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji mengenai penjagaan terhadap ibu bapa yang sudah tua mendapati bahawa anak perempuan lebih bertanggungjawab menggalas tanggungjawab tersebut. Hal ini mungkin disebabkan oleh anak perempuan mempunyai sifat perikemanusiaan yang lebih tinggi berbanding dengan anak lelaki. Hal yang sama juga dibuktikan dalam novel *Nenek* yang memberi gambaran kepada masyarakat bahawa anak perempuan akan menjaga ibu bapa yang sedang sakit. Ini dapat dilihat melalui gambaran watak Siti Sakinah sebagai anak yang bertanggungjawab kerana sanggup menjaga ibunya yang sedang sakit walaupun tinggal berjauhan namun itu tidak menjadi halangan untuk menunaikan tanggungjawab sebagai anak yang solehah.

Jika dilihat dari sudut psikologi, sikap mulia yang dimiliki oleh Sakinah ini adalah disebabkan oleh super egonya berjaya berperanan sebagai pendinding ke arah keunggulan sifat manusia. Oleh itu, Sakinah melaksanakan tanggungjawab menjaga ibunya ketika sakit. Karisma wanita bertanggungjawab terserlah dalam diri Sakinah.

KESIMPULAN

Berdasarkan pengkajian karisma wanita dalam novel *Nenek* karya Razali Endun jelas memperlihatkan watak wanita yang amat positif dan menjadi ikon dalam novel tersebut. Melalui gambaran watak Mak Som, Razali Endun mengangkat watak wanita tua yang berjuang demi tanah air tercinta. Mak Som begitu kuat mempertahankan tanah air daripada dicerobohi oleh golongan kapitalisme. Namun, kudrat seorang pejuang wanita tidak tercapai kerana golongan kapitalisme lebih kuat daripadanya. Selain memperjuangkan tanah air, Mak Som juga pejuang warisan bangsa Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui pengekalan ciri tradisional rumah Melayu Melaka dan penggunaan tikar mengkuang. Mak Som masih lagi menjaga kedua-dua warisan tersebut walaupun ditentang hebat oleh anaknya sendiri. Kematian Mak Som membawa bersama kepupusan seni warisan tersebut. Karisma sebagai pemimpin ditonjolkan apabila Mak Som mengetuai bantahan pengambilan tanah penduduk kampung ke Pejabat Menteri. Kudrat tuanya tidak menjadi halangan bagi Mak Som untuk mempertahankan hak mereka. Semangat dan prinsip yang dipegang oleh Mak Som iaitu tanah merupakan maruah bangsa. Selain itu, karisma wanita terserlah apabila Razali Endun mengangkat Mak Som sebagai wanita intelektual. Hal ini diperlihatkan apabila Mak Som mampu menceritakan sejarah pembukaan Melaka kepada cucunya walaupun tidak pernah bersekolah. Manakala karisma wanita bertanggungjawab pula digambarkan melalui watak Sakinah yang menjaga ibunya ketika sakit. Oleh yang demikian, karisma wanita yang ditonjolkan dalam novel *Nenek* jelas mengangkat wanita sebagai watak yang positif serta mampu menyumbang kepada masyarakat. Hal ini juga jelas membuktikan bahawa penulis lelaki tidak hanya memberi gambaran negatif sahaja kepada watak wanita dalam karya mereka. Razali Endun sebagai wakil penulis lelaki telah menjawab dakwaan tersebut. Bukan itu sahaja, psikoanalisis Freud yang telah dijadikan sebagai landasan kajian jelas membuktikan bahawa watak wanita yang terdapat dalam novel *Nenek* dapat melawan id iaitu nafsu yang sentiasa menjadi penghalang kepada manusia untuk melakukan kebaikan dan mewujudkan manusia yang berkarisma. Unsur ego kaum wanita yang terdapat dalam makalah ini juga berjaya melawan id sehingga berjaya membentuk karisma yang unggul dalam diri wanita. Unsur super ego telah membawa wanita-wanita dalam novel *Nenek* berkarisma dan tidak dipandang serong kerana sering dikaitkan dengan desakan id (nafsu) yang sering mempengaruhi pemikiran kaum wanita. Karisma wanita sebagai pemimpin, pejuang kebudayaan, intelektual dan bertanggungjawab tidak akan lahir sekiranya wanita tidak mampu melawan desakan id yang boleh menghancurkan karisma watak wanita dalam novel tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd Aziz, Mohammed Zohir Ahmad. (2008). *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Abdullah Hassan dan Ainon Ahmad. (2008). *Bakat & Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Ahmad Naim Jaafar. (2003). *Membina Karisma*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd
- Ainon Mohd (2003). *Psikologi Kejayaan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.
- H. Hamzah Ya'qub. (1992). *Etos Kerja Islami*. Jakarta CV Pedoman Ilmu Jaya.
- Ishak Mad Shah. (2006). *Kepimpinan dan hubungan interpersonal dalam organisasi*. Skudai: Universti Teknologi Malaysia.
- John C. Maxwell. terjemahan Adlie Syamsudin. 2008. *21 Kunci Pemimpin Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Ariffin. (2016). Nenek cabar daya intelektual. Berita Harian Online. http://www.ukm.my/pkk/wp-content/uploads/bsk-pdf-manager/100216-BERITA_HARIAN-NENEK_CABAR_DAYA_INTERLEKTUAL_582.pdf Diakses pada 7 Mei 2018.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). *Ekspresi Psikologi dalam Novel Pilihan*. Universiti Malaysia Terengganu: Penerbit UMT.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2004) dlm *Dewan Sastera* keluaran Jun 2004. "Jiwa Femenisme Fatimah Busu". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim. (2015). *Citra Wanita Melayu dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin dan Ipin* dlm *Journal of Education and Social Science*, Vol 2(Oct).
- Razali Endun. 2014. *Nenek*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia ITBM.
- Robiah K. Hamzah. (2004). *Teknik dan Strategi Membimbing Remaja Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Sdn. Bhd.
- Rozinor Ahmad Nasir (2012) dalam *Dewan Sastera* keluaran November 2012. "Wacana Lingkaran Citra Wanita". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salina Ibrahim (2006) dalam *Dewan Sastera* keluaran Februari 2006. "Watak Wanita Harus Dimuliakan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sigmund Freud. Terjemahan K. Bertens. 1991. *Memperkenalkan Psikoanalisa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Siti Asiah Murad. (2006) dalam *Dewan Sastera* keluaran Februari 2006. "Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Che Man. (2006) dalam *Dewan Sastera* keluaran Februari 2006. "Kaedah Baharu Feminisme dalam Kritikan Sastera". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2009). *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Perak: Universtiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Siti Khariah Mohd. Zubir. (2012). *Analisis Citra Usahawan Wanita dalam Novel-Novel Melayu* dlm *Jurnal Perspektif* Vol.4 No.2.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2012). *Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu daripada Perspektif Pengarang Wanita*. Tesis Phd. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Dasyatnya Kesusasteraan Memerihalkan Kehidupan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Walters, M. (2005). *Feminism: A very short introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Yazid Abdul Manap. (2001). *Jadi Pemimpin Hebat*. Shah Alam: Gruf Buku Krangkraf.
- Zarinah Arshat (2008). *Isu Keluarga Kontemporari*. Kuala Lumpur: Inreach Edition.